

10/08/2001

UTM, UKM bersedia laksana dasar prinsip merit

Syuhada Choo Abdullah

UNIVERSITI Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akur dan bersedia melaksanakan dasar meritokrasi bagi memilih kemasukan pelajar Bumiputera ke universiti, sekiranya cadangan kerajaan itu dikuatkuasakan.

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, berkata pihaknya sudah bersedia, malah menjangkakan tidak menghadapi kesulitan untuk mematuhi arahan terbaru kerajaan berhubung polisi pengambilan pelajar Bumiputera ke IPTA itu.

Lagipun ketika ini, beliau berkata, UTM memang melaksanakan pendekatan meritokrasi bagi menentukan pengambilan pelajar Bumiputera berdasarkan kedudukan kecemerlangan mereka dalam lingkungan 55 peratus kuota kemasukan yang ditetapkan.

Sebagai contoh, menurutnya, UTM menggariskan kriteria jelas untuk memilih kemasukan pelajar mengikut pencapaian terbaik mereka dalam mata pelajaran ditetapkan untuk bidang pengajian tertentu seperti Kejuruteraan.

Justeru, walaupun masih belum mendapat garis panduan yang jelas berhubung dasar baru itu, katanya, adalah terpulang kepada kerajaan untuk menentukan bentuk pelaksanaan meritokrasi yang dicadangkan.

"Pihak universiti ini memang sudah bersedia dan tidak menghadapi masalah untuk melaksanakan arahan terbaru daripada kerajaan berhubung polisi kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA nanti.

"Dalam konteks ini, penekanan terhadap dasar meritokrasi akan memudahkan lagi pihak universiti untuk melahirkan graduan cemerlang apabila pelajar yang diambil untuk melanjutkan pelajaran adalah bermutu tinggi.

"Secara peribadi, saya berpendapat kerajaan sudah melihat dari semua sudut mengenai cadangan melaksanakan dasar meritokrasi ini sebagai satu langkah untuk 'mengejutkan' pelajar Bumiputera supaya berusaha bersungguh-sungguh dan menumpukan sepenuh perhatian, tenaga dan masa terhadap pelajaran di universiti," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan mengambil tindakan radikal, termasuk mengetatkan syarat kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA iaitu berdasarkan kecemerlangan (meritokrasi) dan tanpa bantuan kerajaan, bagi menyelamatkan mereka daripada terus tercicir serta menjamin masa depan generasi muda dan juga negara.

Menurut Dr Mahathir, cadangan dasar meritokrasi itu bertujuan mengelakkan pemikiran generasi muda rosak kerana segalanya disediakan oleh kerajaan. Jika keadaan itu berlaku, dikhuatiri mereka tidak akan dapat lagi menyesuaikan diri dalam dunia yang terlalu mencabar sekarang.

Mengulas lanjut, Dr Mohd Zulkifli berkata, cadangan dasar meritokrasi itu perlu dinilai secara positif sebagai usaha bagi memastikan pelajar Melayu menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran, tidak merugikan masa, sekali gus mempunyai daya saing tinggi.

Sejajar matlamat itu, beliau berkata, UTM sedang mengambil langkah melihat semula kegiatan pelajar di kampus. Penekanan utama mestilah tertumpu peningkatan akademik, manakala yang didapati kurang menyumbang ke arah itu akan dirombak.

Beliau berkata, usaha itu termasuk memperketatkan penekanan bahawa pelajar dilarang sama sekali terbabit dalam sebarang kegiatan berbentuk politik, khususnya antikerajaan atau menjurus ke arah berkenaan.

Menurutnya, cadangan dasar meritokrasi itu secara langsung membawa mesej jelas bahawa keseluruhan pihak pengurusan dan kakitangan akademik di IPTA perlu menumpukan lebih banyak usaha bagi memastikan lebih ramai pelajar Melayu mencapai kecemerlangan.

Katanya, ini bermakna pensyarah mesti memberi sepenuh tumpuan terhadap tanggungjawab serta tugas mengajar, yakni tidak terbabit dalam sebarang kegiatan mendorong atau mempengaruhi pelajar Melayu ke kancah politik.

"Pihak universiti akan memberi penekanan lebih jelas bahawa senario semasa kini menuntut tumpuan penuh terhadap akademik. Ini akan dapat melahirkan graduan berilmu tinggi serta memiliki personaliti cemerlang," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Anuwar Ali, juga tidak menafikan bahawa ketika ini, pihaknya memang melaksanakan pendekatan meritokrasi dalam pengambilan pelajar Bumiputera mengikut kuota ditetapkan.

Menurutnya, UKM kini mengurangkan jumlah pengambilan mahasiswa bagi memastikan hanya mereka yang berada dalam kedudukan kecemerlangan terbaik dipilih memasuki universiti berkenaan.

Sebaliknya, beliau berkata, bilangan kemasukan pelajar itu disesuaikan dengan nisbah tenaga pensyarah, prasarana dan kemudahan sedia ada supaya graduan dilahirkan kelak bermutu tinggi.

Bagaimanapun, katanya, diharap pihak kerajaan tidak akan melaksanakan dasar meritokrasi sehingga menghapuskan kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA, secara mendadak kerana dikhuatiri boleh membawa banyak implikasi.

Dr Anuwar berkata ini kerana sebarang keputusan berhubung kuota kemasukan ke IPTA perlu mengambil kira pelbagai aspek penting, termasuk jurang kemudahan pembelajaran yang masih ketara antara sekolah kawasan pedalaman di mana kebanyakan pelajarnya adalah golongan Bumiputera, dengan sekolah di bandar yang secara langsung mempengaruhi kecemerlangan pencapaian akademik mereka.

"Namun, jika langkah diambil secara berperingkat sehingga perbezaan sedia ada itu sudah diatasi pada masa depan, pelajar Bumiputera dipercayai mampu berdikari tanpa sebarang keistimewaan kuota dengan syarat mereka sendiri mesti mempunyai kesedaran bersaing dan membudayakan ilmu," katanya.

(END)